

SYARAT- SYARAT DAN PERATURAN- PERATURAN SEBAGAI PENJAJA DI GERAI JUADAH RAMADAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)

1. Setiap penjaja yang menjaja di Gerai Juadah Ramadan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj di bawah Undang- Undang Kecil Penjaja (MPKj) 2007 hendaklah mematuhi syarat- syarat dan peraturan- peraturan seperti berikut:
 - (i) Pemohon atau penjaja hendaklah terdiri daripada **warganegara Malaysia** yang **berumur 18 tahun ke atas sahaja**;
 - (ii) Setiap penjaja di Gerai Juadah Ramadan akan dikenakan bayaran Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan sebanyak **RM200.00** sepetak bagi tempoh 1 bulan tidak termasuk lain- lain caj daripada penganjur;
 - (iii) Bayaran Proses dan bayaran Petil Lesen Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan sebanyak **RM20.00** akan dikenakan ke atas setiap penjaja manakala bayaran sebanyak **RM5.00** akan dikenakan sebagai bayaran Borang Permit Gerai Juadah Ramadan;
 - (iv) Hanya penjaja yang menjual makanan dan minuman sahaja dibenarkan dan hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dan mendapatkan suntikan TY2 daripada hospital atau klinik yang diiktiraf serta mengemukakan salinan sijil kursus dan salinan sijil suntikan tersebut bersama Borang Permohonan Permit Gerai Juadah/ Karnival Ramadhan ke Jabatan Pelesenan Dan Penjaja MPKj bagi tujuan pengeluaran Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadhan.
 - (v) Hanya Kursus Pengendalian Makanan dan Suntikan TY2 yang **BELUM TAMAT TEMPOH** sahaja akan diterima.
 - (vi) Setiap penjaja dihadkan **(2 PETAK SAHAJA)** sepanjang menjaja di Gerai Juadah Ramadhan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj;
 - (vii) Setiap Penjaja yang menjual makanan dan minuman **DIWAJIBKAN** membeli apron dan topi di Jabatan Pelesenan Dan Penjaja MPKj **(RM25.00)**
 - (viii) Pemakaian apron dan topi/ penutup kepala adalah **DIWAJIBKAN** ke atas setiap penjaja Gerai Juadah Ramadan bagi menjamin kebersihan makanan dan minuman yang dijual;
 - (ix) Setiap penjaja hendaklah sentiasa berpakaian sopan dan bersih sepanjang menjalankan aktiviti penjajaan di Gerai Juadah Ramadan;
 - (x) Setiap penjaja digalakkan menggunakan beg bebas plastik (mesra kitar), selaras dengan kempen mesra alam yang dilaksanakan oleh MPKj sebagai pembungkus makanan dan minuman;
 - (xi) Penyediaan dan penggunaan bakul sampah dan plastik sampah adalah diwajibkan bagi setiap penjaja bagi menjamin kebersihan persekitaran tapak

Sila Tanggalkan Daripada Borang Untuk Simpanan Dan Rujukan Penjaja



lokasi Gerai Juadah Ramadan semasa dan selepas waktu penjajaan Gerai Juadah Ramadan beroperasi;

- (xii) Setiap penjaja diwajibkan memasukkan sisa –sisa sampah ke dalam plastik sampah dan hendaklah diikat dengan kemas dan diletakkan di dalam petak masing – masing setiap kali selepas tamat beroperasi bagi memudahkan kontraktor sampah menjalankan kerja- kerja pembersihan.
- (xiii) Setiap penjaja bertanggungjawab menjelaskan segala bayaran Permit Penjaja Pasar Ramadan dan lain- lain caj berkaitan yang dikenakan sebelum menjalankan sebarang aktiviti penjajaan di tapak Gerai Juadah Ramadan;
- (xiv) Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan yang di dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat semasa menjalankan penjajaan di Pasar Ramadan;
- (xv) Setiap penjaja hendaklah menjaja di petak- petak yang telah diperakukan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj sahaja;
- (xvi) Setiap penjaja hanya dibenarkan menggunakan payung dan khemah bersaiz (10' x 10') sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj sahaja. Manakala penggunaan payung dan khemah dari lain- lain jenis, bentuk dan saiz pula hanya boleh digunakan untuk lokasi- lokasi tertentu sahaja TERTAKLUK kepada kelulusan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen MPKj dan caj bayaran tambahan yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj;
- (xvii) Setiap penjaja **TIDAK DIBENARKAN** untuk meninggalkan sebarang peralatan yang digunakan untuk menjaja di tapak lokasi Gerai Juadah Ramadan yang diluluskan sebelum dan selepas waktu Gerai Juadah Ramadhan beroperasi;
- (xviii) Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan tidak boleh dipindah milik. Sebarang permohonan tukar nama atau pindah milik tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan kepada pemohon atau penjaja yang ingin menarik diri;
- (xix) Tindakan menyenarai hitamkan penjaja bagi sebarang permohonan pada masa akan datang atas kegagalan/ keengganan/ kecuaiian penjaja mematuhi mana- mana syarat dan peraturan serta arahan Pihak Berkuasa Melesen MPKj dari semasa ke semasa termasuklah kehendak undang- undang yang diguna pakai dan berkuat kuasa akan diambil oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj tanpa sebarang notis lanjut;
- (xx) Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan yang di dikeluarkan di atas nama penjaja ini hanya sah untuk tempoh 30 hari sahaja iaitu sepanjang bulan Ramadan tahun berkenaan dan di lokasi- lokasi yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj sahaja;
- (xxi) Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk menjaja **SATU LOKASI SAHAJA** di setiap Gerai Juadah Ramadan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj pada satu- satu masa sahaja;



- (xxii) Bagi lokasi yang melibatkan aktiviti pasar malam, peniaga- peniaga Gerai Juadah Ramadan **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan aktiviti peniagaan. Ini adalah kerana keutamaan hendaklah diberi kepada peniaga pasar malam dilokasi tersebut.
- (xxiii) Setiap penjaja hendaklah mematuhi mana- mana syarat dan peraturan serta arahan Pihak Berkuasa Melesen MPKj dari semasa ke semasa termasuk apa- apa peruntukan undang- undang yang diguna pakai dan berkuat kuasa;
- (xxiv) Tiada sebarang aktiviti penjajaan boleh dimulakan oleh penjaja di Gerai Juadah Ramadan yang diluluskan melainkan Permit Penjaja Pasar Ramadhan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj;
- (xxv) Pihak Berkuasa Melesen MPKj berhak memberikan apa- apa arahan dan mengenakan apa- apa syarat dan peraturan lain kepada penjaja dari semasa ke semasa sepanjang tempoh Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan berkuat kuasa;
- (xxvi) Pihak Berkuasa Melesen MPKj juga berhak meminda mana- mana syarat dan peraturan yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa;
- (xxvii) Kelulusan Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadan ini bukanlah suatu hak eksklusif yang diberikan oleh MPKj kepada penjaja. Pihak Berkuasa Melesen MPKj berhak untuk menarik balik dan membatalkan Permit Penjaja Gerai Juadah Ramadhan yang telah diluluskan pada bila- bila masa yang difikirkan perlu tanpa sebarang notis atau makluman awal dan bayaran- bayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan;
- (xxviii) Pihak Berkuasa Melesen MPKj tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, tanggungan, tuntutan gantirugi, prosiding atau tuntutan undang- undang dan/ atau risiko kejadian yang berlaku ke atas penjaja atau mana- mana pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung akibat daripada aktiviti penjajaannya di Gerai Juadah Ramadan yang diluluskan ini; dan
- (xxix) Penjaja hendaklah menanggung rugi MPKj daripada segala tanggungan, liabiliti, tuntutan ganti rugi, tindakan undang- undang yang timbul daripada aktiviti penjajaannya di Pasar Ramadan ini dan / atau atas kegagalan/ keengganan/ kecuaiian penjaja mematuhi mana- mana syarat dan peraturan serta arahan daripada Pihak Berkuasa Melesen MPKj dari masa ke semasa.



SYARAT – SYARAT PERMOHONAN YANG PERLU DIKUTI OLEH PENJAJA GERAI JUADAH RAMADHAN

1. Maklumat bagi Pemohon/ Pengusaha/ Pengendali/ Pembantu Makanan.
 - 1.1) Pemohon/ Pengusaha/ Pengendali/ Pembantu makanan mestilah berumur 18 tahun ke atas"
 - 1.2) Pemohon hendaklah Wargenegara Malaysia sahaja
 - 1.3) Pemohonan perlulah disertakan salinan pengenalan diri yang sah"
 - 1.4) Menjalani pemeriksaan kesihatan, memiliki sijil tifoid sama ada suntikan typhim V1 atau vaksin oral 3 dos Ty2 dan sijil latihan kursus asas pengendalian makanan dari sekolah latihan yang diiktiraf oleh KKM:
 - 1.5) Nyatakan jenis perniagaan yang akan dijalankan:
 - 1.6) Alamat tempat tinggal pemohon (rumah atau tempat kerja)
 - 1.7) Jenis kenderaan yang digunakan untuk membawa makanan ke Gerai Juadah Ramadhan"
2. Status Tahap Kesihatan
 - 2.1) Pemohon/ Pengusaha/ Pengendalian Makanan perlu :-
 - 2.1.1: Menjalani pemerisaan kesihatan diri:
 - 2.1.2: Mendapatkan suntikan typhim V1 atau vaksin oral 3 dos Ty2:
 - 2.1.3: Menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan dari sekolah latihan yang diiktiraf oleh KKM:
3. Mempamerkan permit/ lesen perniagaan, kad pelalian tifoid pengendalian makanan, kursus asas pengendalian makanan, surat pemeriksaan kesihatan diri dan senarai nama pembantu.
4. Pastikan makanan disediakan atau dimasak berada pada suhu bilik selama 2 jam. Jika makanan dimasak lebih awal perlu ada kawalan suhu ke atas makanan tersebut dan makanan perlu dijual dalam masa 4 jam selepas penyediaannya.
5. Mematuhi kehendak-kehendak perlindungan makanan seperti:
 - 5.1) Mengasingkan makanan mentah dan telah telah dimasak.
 - 5.2) Tidak membiarkan makanan dan minuman terdedah.
 - 5.3) Perkakas dan peralatan yang digunakan tidak tercemar, dan
 - 5.4) Jauhi dari sumber pencemaran.